

Tugas sukar Fathin Faqihah rampas emas 200m



ATLET pecut wanita kebangsaan, Fathin Faqihah Mohd. Yusuf berdepan tugas sukar untuk merampas semula pingat emas dalam acara 200 meter (m) Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) yang dimenangnya empat tahun lalu pada edisi kali ini.

Apa tidaknya Fathin Faqihah, 23, akan berentap dengan juara bertahan yang juga ratu pecut kebangsaan, Zaidatul Husniah Zulkifli di Stadium Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor menjelang pembukaan acara olahraga yang bermula hari ini.

Bagaimanapun, atlet yang mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS)

FATHIN FAQIHAH (kanan) akan menyertai dua acara dalam sukan olahraga pada SUKIPT kali ini di UKM, Bangi bermula hari ini hingga Jumaat.

itu yakin dia mampu meraih pingat emas untuk acara kegemarannya iaitu 400m kerana sedar peluangnya dalam 200m agak tipis.

"Sasaran saya sudah tentu mahu memenangi pingat emas. Saya tidak mahu terlalu yakin tetapi akan mencuba dan memberikan prestasi terbaik untuk 400m.

"Saingan saya (untuk 400m) cuma Tanalaksiumy (Mahenthiran Rayer) tetapi tidak pasti sama ada dia mengambil bahagian pada SUKIPT kali ini. Shereen (Samson Vallabouy) dan Pija (Nurul Faizah Asma Mazlan) tidak bertanding.

"Kalau 200m saya akan berlawanan dengan Zaidatul Husniah. Apa pun saya akan cuba yang terbaik dalam kedua-dua acara ini nanti," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Fathin Faqihah merupakan antara anggota dalam kuartet 4x400m wanita negara bersama Tanalaksi-



umy, Shereen dan Nurul Faizah yang meraih pingat gangsa Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) dengan catatan masa tiga minit 43.31 saat (s).

Ketiadaan tiga rakan sepasukannya itu secara tidak langsung menandakan Fathin Faqihah yang mempunyai rekod peribadi 400m dengan catatan 55.89s dilakukan di Ilagan, Filipina tahun lalu dijangka mudah untuk meraih pingat emas dalam acara tersebut.

Bagaimanapun, nasib berbeza buat Fathin Faqihah untuk acara 200m kerana rekod terbaiknya ialah 25.33s, manakala Zaidatul Husniah yang juga Olimpian negara, mempunyai catatan masa jauh di hadapan iaitu 23.64s.